

Corak pelajaran China diadaptasi

BH-21/5/2007

Usaha antarabangsakan sistem pendidikan diperluas berikutan hubungan baik

BEIJING: Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata lawatannya ke China adalah bagi meneruskan inisiatif mengantarabangsakan sistem pelajaran Malaysia.

Dengan hubungan baik Malaysia-China, beliau berkata, sudah tiba masanya untuk negara meluaskan kerjasama dalam bidang pendidikan dengan China bagi membolehkan Malaysia mengadaptasi cara pelaksanaan terbaik yang menjayakan pembangunan negara itu.

"Itulah sebabnya kenapa saya di sini untuk belajar," katanya sambil menyebut peribahasa yang menyuruh umat Islam menuntut ilmu sehingga ke China.

Hishammuddin, yang tiba di sini

“Anda dapat lihat pertumbuhan pesat di Beijing, ia sungguh menakjubkan”

Hishammuddin Hussein
Menteri Pelajaran

kelmarin untuk lawatan seminggu ke China, bercakap mengenai lawatannya itu ketika pertemuan dengan masyarakat Malaysia di China di Kedutaan Malaysia, di sini, malam kelmarin.

Lawatan rasminya bermula hari ini dengan melawat sekolah pendidikan khas Beijing Dongcheng dan Sekolah Tinggi Eksperimental di Beijing Normal University pada sebelah pagi.

Pada sebelah petang, beliau akan melawat Beijing Foreign Studies University yang menawarkan pengajian 36 bahasa dan dianggap sebagai antara universiti terbaik yang menawarkan pelbagai bahasa asing.

Pada Selasa, beliau akan melawat Sekolah Parti Komunis China dan ke Universiti Peking sebelum menamatkan program hari itu di Sekolah Sukan Shichahai.

Hishammuddin akan melawat sekolah muzik dan mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya, Zhou Ji pada Rabu.

"Sesetengah perkara saya akan bincang dengan rakan sejawatan saya di sini ialah bagaimana mereka mengekalkan pertumbuhan itu tanpa menjejaskan identiti dan kekuatan mereka," katanya. - Bernama



SUDAH LAMA TERJALIN: Hishammuddin melihat gambar bapanya, Tun Hussein Onn bersama pemimpin China, Deng Xioping di Kedutaan Malaysia di Beijing.